



KOPASAN BHD
Koperasi Masjid Al-Firdaus
Parit Hassan Simpang Renggam Berhad

**Koperasi Masjid Al- Firfaus Parit
Hassan Simpang Renggam
Berhad**

LAPORAN TAHUNAN KOPASAN BERHAD

2023 – 2025

1	PERUTUSAN Pengerusi	1
2	PROFIL KOPERASI	2-8
3	ATURCARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-3	9
4	NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI PERTAMA	10-12
5	AGENDA MESYUARAT	
5.1	Mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu;	13
5.2	Menimbang laporan-laporan Lembaga; dan meluluskan akaun teraudit Koperasi termasuk pembahagian keuntungan bersama laporan juruaudit;	14
5.3	Memilih 4 orang Anggota Lembaga bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran;	14
5.4	Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2025 -2026;	15
5.5	Meluluskan elaun kepada anggota lembaga;	16
5.6	Meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang dua orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya;	16
5.7	Menimbang dan meluluskan ruang lingkup had pelaburan wang lebihan Koperasi;	16
5.8	Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;	16
5.9	Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan;	17
5.10	Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa usul atau hal urusan lain koperasi yang baginya satu notis tidak kuang daripada tujuh hari telah diberikan	17
5.10	Menimbang dan meluluskan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi	17

Perutusan Pengerusi



Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua warga koperasi yang dihormati.

Alhamdulillah, setahun lagi telah berlalu dengan pelbagai pencapaian dan cabaran yang mengukuhkan tekad kita sebagai sebuah koperasi yang berwawasan. Tahun ini, kita amat berbangga kerana kebun sawit yang diusahakan bersama telah mula menunjukkan tanda-tanda pertumbuhan yang memberangsangkan. Dengan bunga yang mula berkembang, kita optimis bahawa hasil pertama dijangka dapat dituai 3 tahun lagi —satu petanda baik untuk masa depan koperasi dan peningkatan pendapatan ahli.

Kebun sawit ini merupakan aset koperasi yang telah dipajak selama 25 tahun, memberikan jaminan tempoh operasi yang cukup panjang untuk kita menjana hasil berterusan dan merancang pembangunan yang mampan.

Seiring dengan perkembangan ini, koperasi membuka peluang kepada semua ahli untuk menambah saham dan tidak terhad sebanyak RM200, sebagai sokongan kepada bantuan modal aktiviti kebun sawit. Sumbangan ini adalah satu pelaburan berimpak tinggi yang bakal menyumbang kepada kesejahteraan bersama.

Walaupun kita beroperasi dengan kedudukan kewangan yang terhad, kita tetap komited untuk meneruskan usaha pembangunan demi manfaat ahli dan komuniti. Dalam semangat itu, kita berharap agar ada bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Wakil Rakyat, dan agensi berkaitan, untuk memperkukuh daya tahan serta keberkesanan koperasi dalam menjana ekonomi setempat.

Sebagai tambahan, usaha sedang dirangka untuk mendapatkan geran bagi membina dua lot kedai di hadapan masjid. Inisiatif ini diharap dapat menjadi sumber pendapatan berterusan kepada koperasi, di samping memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Dengan lokasi yang strategik, kita yakin ia akan menjadi aset penting dalam memperkukuh kestabilan kewangan koperasi.

Penerbitan Buku Tahunan ini adalah bukti usaha gigih kita sepanjang tahun, merangkumi Mesyuarat Agung, aktiviti kemasyarakatan, dan program pembangunan ekonomi ahli. Ia bukan sekadar dokumentasi, tetapi lambang kesatuan, ketekunan dan harapan kita bersama.

Marilah kita terus memperkukuh semangat muafakat dan berusaha untuk menjadikan koperasi kita sebagai nadi pembangunan komuniti. Dengan izin Tuhan, dan usaha semua pihak, impian kita akan menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih.

PROFIL KOPERASI



BIL	PERKARA	BUTIRAN
1	Nama Koperasi	: Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad
2	Tarikh Pendaftaran diluluskan	; 23 Mei 2019
3	No Pendaftaran	: J-5-1461 Ruj : SKM.IP.(PEND)J-1444/(3)
4	Alamat	: D/A Masjid Al-Firdaus, Kampung Parit Hassan, 86200 Simpang Renggam, Johor Darul Takzim
5	Nama /No Telefon Pengerusi	: Hj Md Judyar bin Malik / 0197425185
6	Nama /No Telefon Setiausaha	: Hj Amiruddin bin Abd Manaf / 0197672532
7	Nama /No Telefon Bendahari	: En Zamri bin Katimin / 0127615891
8	Email	: Kopasan2019@gmail.com
9	Bank	: RHB Bank Berhad
10	Nama Akaun Bank	: Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Johor
11	No. Akaun Bank	: 25131100007092



KOPASAN BERHAD MENERAJUI PERUBAHAN

Kami komited untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada masjid dan komuniti. Kebersamaan kita adalah asas perkhidmatan yang memberi manfaat kepada semua

Sejarah Penubuhan : Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad (KOPASAN BERHAD) Ditubuhkan Pada Tahun 2019. Koperasi Ini Didaftarkan Pada 23. Mei 2019 Di Bawah Akta Koperasi 1948. Tujuan koperasi ini ditubuhkan adalah untuk membantu pengurusan Masjid Al-Firdaus meningkatkan kualiti infrastruktur dan pengurusan berkaitan program-program Masjid Al-Firdaus Kampung Parit Hassan

Visi Koperasi

Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad (KOPASAN BERHAD) menjadi koperasi yang unggul dalam meningkatkan pendapatan dalam membantu memajukan kesejahteraan masjid dan komuniti

Misi Koperasi

1. Meningkatkan Sumber Pendapatan Komuniti:
 - 1.1. Membantu anggota koperasi dan kariah masjid dalam mengembangkan sumber pendapatan yang halal.
 - 1.2. Menyediakan akses kepada modal dan kewangan yang mendukung usaha ekonomi kariah
2. Memperkuat Kesejahteraan Sosial:
 - 2.1. Membangun jaringan sosial dalam komuniti masjid.
 - 2.2. Menyediakan bantuan sosial kepada anggota yang memerlukan
3. Mendukung Pembangunan Infrastruktur Masjid:
 - 3.1. Mengumpulkan dana dan sumber untuk pembangunan dan pemeliharaan infrastruktur masjid.



Laman Web Koperasi Masjid Al-Firdaus
Parit Hassan Simpang Renggam Berhad.

[www. https://kopasan.mykoperasi.coop/](https://kopasan.mykoperasi.coop/)

Sila scan Kod QR di sini

AHLI JAWATANKUASA SESI 2023-2024



TN. HJ. MD. JUDYAR BIN MALIK
PENGERUSI



TN. HJ. AMIRUDDIN BIN ABD
MANAF
SETIAUSAHA



EN. MOHD ZAMRI BIN
KATIMIN
BENDAHARI



TN. HJ. MUSA BIN MARZUKI
ALK



EN MOHD ZAMZILA BIN
SARMO
ALK



EN MOFTAR BIN JIKAN
ALK



EN. MOHD NAZID BIN BAJURI
ALK



HJH RONIRAH BINTI KOSNI
ALK



TN. HJ. BACHOK BIN DIDUK
ALK



PN. ARMINAH BINTI KOSNI
AKL

KAWASAN OPERASI

- Seluruh Negeri Johor

KELAYAKAN AHLI

- Keahlian terbuka kepada semua

FUNGSI KOPERASI

- Perkhidmatan

JUMLAH ANGGOTA BERDAFTAR

- 56 ORANG AHLI

Fi MASUK DAN SYER :

- Setiap anggota dikenakan Fi Masuk sebanyak RM 20.00
- Syer Saham setiap anggota sebanyak RM200.00

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH KOPERASI

- kontrak pencucian bangunan;
- katering/dobi;
- sewaan bangunan perniagaan;
- membina bangunan;
- menanam pokok kelapa sawit dan tanaman kontan seperti pisang;
- menjual hasil tanaman kelapa sawit dan tanaman kontan; dan
- membekalkan peralatan dan bahan kegunaan pertanian.


AKTIVITI KOPERASI KOPERASI.

- JUALAN MINYAK CAP PELADANG



Minyak masak cap Peladang dijual setiap hari Jumaat jam 1230 hingga jam 1400 di kaunter masjid pada harga RM30.00 (5kg) dan RM13.00 (2kg). Dengan penjualan minyak ini dapat membantu koperasi menambah pendapatan sampingan.

PEMBELIAN TANAH UNTUK TEMPAT MELETAKKAN KENDERAAN BAGI
JEMAAH MASJID




Pihak koperasi telah berjaya untuk membeli 3 lot tanah persendirian
untuk digunakan sebagai tempat meletakkan kenderaan bagi kegunaan
jemaah masjid.

Tempat letak kereta masjid
telah di tar dan di cat parking
lot

2025 →

← 2022



PROJEK TANANAMAN KELAPA SAWIT DAN PISANG DI TANAH RIZAB & PERSEORANGAN



Koperasi sedang menguruskan penanaman kelapa sawit dan pisang untuk menambahkan pendapatannya. Tanah seluas 7 ekar telah dapat dipajak selama 25 tahun untuk projek tanaman kelapa sawit dan pisang.

Lawatan ALK ke kebun sawit
pada 29 Julai 2025 untuk
melihat perkembangan
penanaman pokok sawit

2025 →

← 2023



ATURCARA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-3

TARIKH : 24 OGOS 2025

MASA : 2.30 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT JPKK KAMPUNG
PARIT HASSAN, SIMPANG
RENGGAM

MASA	ACARA
2.00 – 2.20 pm	Pendaftaran dan Ketibaan VIP
2.30 – 3.00 pm	• Bacaan Doa • Ucapan alu-aluan oleh Pengerusi KOPASAN Berhad Tn Hj. Md. Judyar bin Malik • Ucapan Perasmian oleh YB Datuk Seri Utama Ir. Hasni Bin Mohammad, Ahli Parlimen Simpang Renggam
3.00 – 4.00 pm	Mesyuarat Agung Tahunan Bersidang
4.00 – 5.00 pm	Jamuan dan Bersurai

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-3

KOPERASI MASJID AL-FIRDAUS PARIT HASSAN SIMPANG RENGAM BERHAD
D/A MASJID AL-FIRDAUS KAMPUNG PARIT HASSAN,
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM

No. Rujukan : KOPASAN 3 2025 (2)
Tarikh : 28 JULAI 2025

Ahli Koperasi KOPASAN Berhad

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KETIGA KOPERASI MASJID AL-FIRDAUS PARIT HASSAN SIMPANG RENGAM BERHAD

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali-3 pada tarikh, masa dan tempat seperti ketetapan berikut:-


TARIKH : 24 OGOS 2025
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT JPKK, KAMPUNG
PARIT HASSAN, 86200 SIMPANG RENGAM,
JOHOR

Agenda:

- a) Mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu;
- b) Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- c) Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi termasuk pembahagian keuntungan bersama laporan juruaudit;
- d) Memilih 4 orang Anggota Lembaga bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran;
- e) Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2024/2025;
- f) Meluluskan elaun kepada anggota lembaga;
- g) Meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang dua orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- h) Menimbang dan meluluskan ruang lingkup had pelaburan wang lebihan Koperasi;
- i) Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- j) Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan;
- k) Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.

3. Sehubungan dengan itu, Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir bagi menyempurnakan tanggungjawab. Kehadiran tuan/puan adalah wajib dan WAKIL TIDAK DIBENARKAN bagi tujuan kelancaran perjalanan Mesyuarat Agung tersebut.

4. Bersama-sama ini disertakan pautan Kod QR Buku Laporan Tahunan Mesyuarat Agung untuk rujukan Tuan/Puan.



5. Disertakan juga Lampiran 1 berkaitan kehadiran dan usul/cadangan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Koperasi pada atau sebelum 17 Ogos 2025 jam 12.00 tengah hari.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Terima kasih.

Yang Menialankan Amanah

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'MD JUDYAR'. Below the signature is a horizontal dotted line.

(HJ. MD JUDYAR BIN MALIK)

Pengersi,

Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad

Kepada
Setiausaha
Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad,
D/A Masjid Al-Firdaus Kg Parit Hassan,
86200 Simpang Renggam.
Johor.

Saya No Kad Pengenalan
akan **hadir / tidak hadir*** ke Mesyuarat Agung Koperasi yang akan diadakan pada
24 Ogos 2025 (Ahad)

Sekian. Terima kasih.

* Sila potong mana yang tidak berkenaan

Berikut adalah usul / cadangan (sekiranya ada.)

1	
2	
3	

Sekian. Terima kasih.

Yang benar

.....
()

Sila kembalikan lampiran ini sebelum 17 Ogos 2025 (Ahad) di alamat di atas.

Melantik Pengerusi Sementara


Pengerusi Sementara :

Pencadang :

Penyokong :

Minit Mesyuarat Agung Kali ke-2

Kod QR untuk softcopy minit mesyuarat agung ke-2



Agenda 1




Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kali ke- 2

Pencadang :

Penyokong :

Agenda 2

Laporan Akaun Teraudit Koperasi 2022

		
Penyata Kewangan Teraudit 2022	Penyata Kewangan Teraudit 2023	Penyata Kewangan Teraudit 2024

Sila Scan QR Kod untuk mendapatkan Penyata Kewangan Teraudit di atas

Meluluskan akaun teraudit Koperasi termasuk pembahagian keuntungan bersama laporan juruaudit

Pencadang :

Penyokong :

Agenda 3

Memilih 4 orang Anggota Lembaga bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran;

4 orang Anggota Lembaga Koperasi yang digugurkan adalah seperti berikut

1. Hj. Md Judyar bin Malik
2. Hj. Amiruddin bin Abd Manaf
3. Hjh Ronirah binti Rosni
4. Hj Bachok bin Diduk

4 orang Ahli Anggota Lembaga Koperasi yang baru dicalonkan

Bil	Nama ALK Baru	Nama Pencadang	Nama Penyokong
1			
2			
3			
4			

Agenda 4

Menimbang dan meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2024/2025

BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI BAGI TAHUN 2025/26

	Anggaran 2024 RM	Sebenar 2024 RM	Anggaran 2025 RM
BUTIR PENDAPATAN			
Hasil Aktiviti Jualan :			
Keuntungan Bersih Jualan	100	46	70
Hasil Aktiviti Bukan Perniagaan:			
• Fi Masuk	100	160	1000
• Modal Syer	1000	2000	1000
• Dividen/Keuntungan Atas Akaun		0	
• Derma/Sumbangan	20000	0	30000
• Pinjaman		0	10000
JUMLAH PENDAPATAN	21200	2206	42070
BUTIR PERBELANJAAN			
Belanja Operasi/Pentadbiran :			
• Alat Tulis dan Percetakan	50	50	170
• Belanja Meyuarat Agong	100	100	1300
• Jamuan	650	650	500
• Elaun Anggota Lembaga Koperasi	0	0	2000
• Fi Juruaudit	600	0	3000
• Caj Bank	15	7	10
• Pembayaran Hutang Pinjaman	0	0	10000
• Caj Guaman	800	0	100
• Deposit Wang Rezab Statutori	0	0	482
• Pengurusan Operasi Kebun Sawit	18000	8000	13000
JUMLAH PERBELANJAAN	20215	8807	30562
KEUNTUNGAN/KERUGIAN	985	-6601	11508

Meluluskan Belanjawan

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 5

Meluluskan elaun kepada anggota lembaga

Elaun Anggota Lembaga adalah RM

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 6

Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri dari 2 orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Panel yang dilantik adalah Panel SKM Kluang

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 7

Menimbang dan meluluskan Had Pelaburan Wang Lebihan Koperasi

Had Pelaburan Wang Lebihan Koperasi : RM

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 8

Menentukan Had keberhutangan koperasi

Had keberhutangan Koperasi : RM

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 9

Melantik Jawatan Kuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan 4 orang Anggota Lembaga Koperasi untuk menentusahkan draf minit mesyuarat

6 anggota Koperasi adalah seperti berikut :

Bil	Nama	Nama Pencadang	Nama Penyokong
1			
2			
3			
4			
5			
6			

4 orang Anggota Lembaga Koperasi adalah seperti berikut :

Bil	Nama	Nama Pencadang	Nama Penyokong
1			
2			
3			
4			

Agenda 10

Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa usul atau hal urusan lain koperasi yang baginya satu notis tidak kuang daripada tujuh hari telah diberikan

Usul -usul yang diterima :

1.
2.
3.

Agenda 11

Menimbang dan meluluskan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi

Pindaan Undang -Undang Koperasi : Tiada